

KERTAS BIL. 05/2020



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT
DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT) BAGI DEWAN NEGERI
SELANGOR MENGENAI KERJASAMA DI
ANTARA PEJABAT TANAH DAN GALIAN
SELANGOR (PTGS) DAN MALAYSIA SPACE
AGENCY (MYSA) UNTUK TUJUAN PEMANTAUAN
DAN PENGUATKUASAAN**

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	PENDAHULUAN	1
2.	LATAR BELAKANG	1 - 2
3.	SESI PERTEMUAN DAN DIALOG BERSAMA MALAYSIA SPACE AGENCY (MYSA)	2 - 3
4.	TAKLIMAT TERTUTUP OLEH PIHAK PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR (PTGS)	3
5.	PENEMUAN JAWATANKUASA	3 - 4
6.	SARANAN JAWATANKUASA	4
7.	PERAKUAN	4 - 5
	SENARAI AHLI-AHLI JAWATANKUASA	6
	URUS SETIA	6
	PEGAWAI-PEGAWAI YANG TURUT HADIR SEMASA LAWATAN KE MYSA PADA 9 DISEMBER 2019	7
	PEGAWAI-PEGAWAI YANG TURUT HADIR SEMASA MESYUARAT JP-PADAT BIL 2/2020 (22 JANUARI 2020)	7

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR MENGENAI KERJASAMA DI ANTARA PIHAK PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR (PTGS) DAN MALAYSIA SPACE AGENCY (MYSA) UNTUK TUJUAN PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

1. PENDAHULUAN

- 1.1 JP-PADAT telah mengadakan lawatan ke Malaysia Space Agency (MYSA) yang bertujuan untuk melihat ruang dan peluang yang wujud di MYSA untuk menambahbaik mutu dan kualiti Pentadbiran Tanah di Negeri Selangor.
- 1.2 MYSA yang dahulunya dikenali sebagai Agensi Remote Sensing Malaysia (ARMS) telah digabungkan dengan Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) dan dijenamakan semula sebagai Malaysia Space Agency (MYSA) menerusi Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Februari 2019 dengan menjadikan teras utamanya untuk mengukuhkan Tadbir urus Kerajaan dalam sektor angkasa.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 JP-PADAT pada mesyuarat bil. 14/2019 tarikh 19 September 2019 telah memutuskan untuk membuat satu lawatan ke MYSA bersama-sama PTGS untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas serta maklumat sistem yang dapat ditawarkan oleh pihak MYSA berkenaan isu pemantauan pencerobohan tanah dan pembinaan baharu di atas tanah bagi tujuan penguatkuasaan.
- 2.2 Lawatan JP-PADAT bersama-sama PTGS ke MYSA telah dibuat pada 9 Disember 2019 dan sesi pertemuan dan dialog bersama pengurusan tertinggi MYSA telah memberi ruang dan peluang kerjasama yang amat baik dalam usaha-usaha JP-PADAT membantu pihak PTGS membuat penambahbaikan sistem PTGS yang sedia ada bagi tujuan pemantauan yang lebih proaktif dan efektif.

- 2.3 JP-PADAT juga telah bermesyuarat pada 22 Januari 2020 yang mana pihak PTGS telah dipanggil untuk memberi maklum balas mengenai status kerjasama pihak PTGS dengan MYSA.

3. SESI PERTEMUAN DAN DIALOG BERSAMA MYSA

- 3.1 Lawatan JP-PADAT bersama-sama PTGS ke MYSA pada 9 Disember 2019 telah dihadiri oleh ahli jawatankuasa seperti berikut:

1. Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Banting)
2. Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran
(ADN Kawasan Bukit Gasing)
3. Y.B. Puan Wong Siew Ki
(ADN Kawasan Balakong)

- 3.2 Ahli Jawatankuasa menyambut baik tawaran kerjasama oleh pihak MYSA dan agensi dari Negeri Selangor. MYSA telah membangunkan sebanyak 35 aplikasi dengan kerjasama agensi kerajaan. Setakat ini agensi di Selangor yang telah bekerjasama ialah Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor menerusi inisiatif Smart Selangor.

- 3.3 Taklimat dari Agensi Angkasa Malaysia (AAM) telah disampaikan sendiri oleh YBrs. Tuan Haji Azlikamil bin Napiah, Ketua Pengarah Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) yang turut diiringi oleh YBrs. Puan Nik Mazlina binti Nik Mustapha, Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan Teknikal dan Operasi MYSA) serta Pengarah-Pengarah Bahagian MYSA.

- 3.4 Taklimat yang diadakan kepada JP-PADAT sedikit sebanyak telah mendedahkan jawatankuasa kepada maklumat-maklumat baharu berkaitan MYSA yang memiliki kemampuan untuk mencerap permukaan bumi dan menyediakan data menggunakan teknologi angkasa seperti drone dan satelit.

- 3.5 Antara aspek yang disentuh adalah berkaitan kemampuan MYSA untuk melakukan cerapan terhadap aktiviti pembukaan kawasan, pemantauan

pembinaan bangunan, aktiviti pembukaan tanah, mengesan perubahan guna tanah, memantau aktiviti pelupusan sisa, aktiviti pengurusan bencana, sistem maklumat dan logistik banjir serta analisis terhadap kawasan berisiko tinggi banjir.

- 3.6 Jawatankuasa telah dibawa melawat contoh-contoh Imej Satelit yang dihasilkan dan telah diproses, aplikasi-aplikasi serta sistem berimpak yang telah dihasilkan oleh MYSA merentasi pelbagai kementerian, jabatan dan agensi serta melihat bilik simpanan data dan maklumat MYSA.
- 3.7 Pegawai yang ditugaskan untuk mengendalikan sesebuah sistem maklumat akan dilatih dari masa kesemasa untuk memastikan pegawai tersebut menafsirkan dan membekalkan maklumat yang tepat kepada agensi yang berkaitan. Sekiranya terdapat penambahbaikan terhadap sesebuah sistem, agensi yang berkaitan akan dipanggil untuk menjalani latihan.

4. TAKLIMAT TERTUTUP OLEH PIHAK PTGS

- 4.1 JP-PADAT telah dimaklumkan bahawa sehingga kini tiada lagi perbincangan lanjut di antara pihak PTGS dengan MYSA dalam membangunkan suatu sistem yang dapat membantu PTGS dalam melancarkan tadbir urus serta kerja-kerja pemantauan dan operasi tanah.
- 4.2 PTGS mengambil maklum pandangan JP-PADAT mengenai cadangan agar PTGS mengadakan kerjasama bersama MYSA untuk memudahkan urusan harian PTGS terutamanya di dalam hal-hal pemantauan kewujudan aktiviti-aktiviti dan struktur binaan baharu di atas permukaan tanah milik Kerajaan Negeri Selangor ini yang mana secara tidak langsung dapat mengurangkan masalah kewujudan kilang tanpa kebenaran baharu serta penguatkuasaan.

5. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 5.1 JP-PADAT mendapati pihak PTGS masih belum mengadakan perjumpaan dengan MYSA walaupun telah menyatakan hasrat mengadakan perjumpaan khas bagi membincangkan secara spesifik cadangan keperluan maklumat yang bakal dibangunkan oleh MYSA.

- 5.2 JP-PADAT berpandangan perkongsian maklumat daripada pihak MYSA mengenai kerjasama yang dapat ditawarkan kepada pihak PTGS yang memerlukan teknologi satelit dalam proses pemantauan amat bagus yang mana teknologi yang dimiliki oleh pihak MYSA boleh dijadikan medium untuk menambahbaik prestasi tadbir urus, pemantauan dan penguatkuasaan pihak PTGS.
- 5.3 Segala maklumat dan teknologi yang dimiliki MYSA terutamanya pengimejan satelit yang boleh diperolehi tanpa sebarang kos melalui kerjasama dengan MYSA tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh jabatan/agensi/pihak berkuasa tempatan Kerajaan Negeri Selangor.

6. SARANAN JAWATANKUASA


- 6.1 JP-PADAT menyarankan agar pihak PTGS dapat menyegerakan perjumpaan bersama pihak MYSA untuk menggunakan dan memanfaatkan secara spesifik maklumat dan aplikasi yang bakal dibangunkan oleh MYSA.
- 6.2 JP-PADAT juga menyarankan Pejabat Daerah dan Tanah, agensi, jabatan kerajaan, anak syarikat kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan agar mengadakan perjumpaan dan menggunakan perkhidmatan serta memanfaatkan teknologi MYSA untuk membantu dan meringankan kerja-kerja dalam hal tadbir urus, operasi (terutamanya bantuan bencana dan kecemasan), pemantauan dan penguatkuasaan, tanpa sebarang kos atau kos yang minima.

7. PERAKUAN

JP-PADAT ini ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Pejabat Tanah dan Gallan Selangor dan MYSA dalam menjayakan penyediaan penyata ini. JP-PADAT berharap hubungan baik dapat dikekalkan di samping meningkatkan prestasi kecemerlangan dalam menjalankan fungsi dan peranan masing-masing.

Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JP-PADAT dalam mesyuarat jawatankuasa bil. 3/2020 tarikh 6 Februari 2020.

Disahkan oleh:



Y.B. TUAN LAU WENG SAN

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan

Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT)

Dewan Negeri Selangor

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT):

- | | | |
|----|--|-----------|
| 1. | Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Banting) | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran
(ADN Kawasan Bukit Gasing) | Ahli |
| 3. | Y.B. Puan Wong Siew Ki
(ADN Kawasan Balakong) | Ahli |
| 4. | Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli
(ADN Kawasan Bukit Melawati) | Ahli |
| 5. | Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan
(ADN Kawasan Taman Templer) | Ahli |
| 6. | Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah
(ADN Kawasan Dengkil) | Ahli |
| 7. | Y.B. Dato' Mohd Shamsudin bin Lias
(ADN Kawasan Sungai Burong) | Ahli |

URUS SETIA

- i) Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian (Dewan)
- ii) Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iii) Cik Nurul Liana binti Musa
Penolong Pegawai Tadbir
- iv) Puan Salmiah binti Hamdan
Penyelidik Kanan Pejabat Speaker
- v) Cik Cheah Sheue Chyi
Penyelidik Pejabat Speaker

Senarai kehadiran wakil jabatan yang hadir bersama semasa lawatan ke MYSA pada 9 Disember 2019 adalah seperti berikut:

PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR

1. Encik Mohd Azrul bin Hashim
Ketua Penolong Pengarah

Senarai kehadiran wakil jabatan yang hadir semasa Mesyuarat JP-PADAT Bil. 2/2020 bertarikh 22 Januari 2020 adalah seperti berikut:

PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR

1. Encik Mohd Azrul bin Hashim
Ketua Penolong Pengarah
(Bahagian Penguatkuasaan, Pengambilan Tanah dan Teknikal)
2. Encik Mohd Alihanafi Bin Mohd Yunus
Ketua Penolong Pengarah
(Bahagian Hakmilik Strata)